

30 buah kampung di Baling dilanda banjir

BALING – Sebanyak 30 buah kampung di daerah ini dilanda banjir selepas hujan lebat lebih tiga jam sejak pukul 3 petang kelmarin.

Lebih 600 keluarga membabitkan 5,000 penduduk terlibat dengan banjir tersebut.

Sementara itu, lebih 200 penduduk di mukim Kupang dan Pulau telah dipindahkan ke pusat pemindahan sejak pukul 7 malam kelmarin.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri Kupang, Ishak Mat berkata, lebih 100 penduduk dari tiga buah kampung di mukim Kupang

iaitu Gua Reban, Charuk Sikin dan Seberang Titi telah dipindahkan.

“Penduduk yang berpindah terpaksa ditempatkan di khemah sementara kerana beberapa dewan dan surau yang menjadi tempat pusat pemindahan banjir sebelum ini turut ditenggelami banjir melebihi satu meter.

“Gerakan membantu mangsa banjir bermula pukul 7 malam hingga 2 pagi manakala barangan makanan termasuk beras, tepung, gula, kopi, sardin, rempah dan peralatan dapur juga telah dihantar ke kampung yang ter-

libat dengan banjir,” katanya.

Dalam pada itu, di mukim Pulau pula lebih 100 penduduk di Kampung Landak Hilir, Padang China, Kampung Lela dan Chenerai dipindahkan ke pusat penempatan sementara selepas air sungai naik mendadak semalam.

Antara kampung-kampung lain di mukim itu yang turut dilanda banjir ialah Kampung Tanjung Merbau, Kampung Titi Teduri, Charuk Bemban, Sungai Limau, Setol, Banggol Serdang, Teluk Teduri, Sera Bawah dan Sera Masjid.



SEORANG penduduk membersihkan rumahnya selepas dimasuki air di Kampung Teluk Durian, Baling semalam.